

# ISLAM LIBERALISASI: ISU DAN CABARAN SERTA USAHA MEMBENDUNGNYA – PENGALAMAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Dr Noryati Haji Ibrahim  
Negara Brunei Darussalam**

## **Pendahuluan**

Di akhir abad kedua puluh Masehi, Umat Islam dikejutkan dengan fenomena baru dalam pemikiran Islam. Golongan yang memperkenalkan diri dengan nama Islam liberal telah menggemparkan dunia Islam dengan isu-isu yang kontroversial dan idea-idea yang berani. Gerakan Islam liberal cukup popular di Indonesia, namun begitu tidak ramai yang menyedari sebenarnya gerakan ini mempunyai jaringan yang luas bukan sahaja di dunia Islam bahkan juga hampir di serata dunia: Mesir, India, Pakistan, Bangladesh, Amerika, Perancis, Malaysia, Turki, Jordan, Sudan, Syria, Maroko, Tunisia, Lebanon, Algeria, Nigeria dan lainnya.

Muslim pertama yang mencadangkan nama “liberal Islam” ialah Asaf Ali Ashgar Fyzee (*Fayḍī*) (1899-1981). Menurutnyanya bahawa wahyu perlu ditafsirkan semula dalam kerangka pelbagai teori yang baru ditemui, seperti dalam disiplin sejarah dan sains. Ini bermaksud, Islam perlu difahami semula, bukan sekadar dalam kerangka ilmu yang sah diterima oleh Islam, malah dalam kerangka semua bidang ilmu yang ada di dunia sekarang, sama ada ilmu tersebut diterima atau tidak berdasarkan prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam.<sup>1</sup> Adapun ciri-ciri pemikiran Islam Liberal menurut Khalif Muammar antaranya ialah: Rasionalisme dan Sekularisme; Penolakan terhadap syariah; Pluralisme Agama; Penolakan terhadap autoriti keagamaan; Kebebasan mentafsirkan teks-teks agama Islam; Tiada

---

<sup>1</sup> Asaf Ali Ashgar Fyzee (1899-1981) adalah bekas Profesor di Government College, Bombay, India, bekas Duta India ke Mesir, dan Naib Canselor di University of Jammu dan University of Kashmir di Srinagar, negeri Jammu dan Kashmir, India. Beliau berpegang dengan kepercayaan Syiah Ismailiah. Lihat Farhad Daftary, “Professor Asaf A. A. Fyzee (1899-1981),” *Arabica* 31, no. 3 (November 1984), pp. 327-330, 327.

dakwaan kebenaran (faham relativisme); Mempromosikan nilai-nilai Barat; Pembebasan Wanita; dan Mendukung demokrasi liberal sepenuhnya.<sup>2</sup>

Di Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (KDYMM) dengan tegas menitahkan sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1434 bahawa Negara Brunei tidak akan dapat menerima sama sekali sebarang istilah seperti Islam Liberal, Pluralisme Ugama dan lain-lain lagi seumpamanya:-

*Galakan Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam ini sayugialah jangan diambil ringan, kerana hikmahnya turut merujuk kepada keadaan yang ada sekarang, dimana semakin banyak yang timbul atau muncul semakin ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang menyalahi ,Āqidah. Jika benar ajaran atau fahaman itu salah, atau ada unsur sesat didalamnya, maka pembawa atau penganutnya mustahaklah bertaubat serta sekaligus mematuhi saranan Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam untuk membaharui iman itu.*

*Turut membimbangkan kita, medan bagi penyaluran ajaran atau fahaman menyeleweng ini sangatlah luasnya. Ia tidak lagi terbatas setakat dari mulut kemulut atau dari satu individu kepada individu lain, tetapi sudah sangat canggih dan lengkap melalui buku-buku, majalah-majalah, surat-surat khabar dan internet, seperti sahaja, keadaan itu sudah tidak dapat dibendung lagi. Oleh itu, Beta mengingatkan, supaya kita di Brunei tidak akan terbawa-bawa untuk mencedok sebarang pemikiran atau fahaman yang menyalahi itu. Luruskanlah pendirian dan tetapkan iman kita, kepada hanya, ugama yang dibawa oleh Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam semata-mata, yang namanya adalah al-Islam.*

*Kita orang Islam mestilah sebulat-bulatnya kepada Islam itu, kerana inilah yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya, Sayyidina Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam. Kita tidak boleh menambah-nambah ataupun mengurangi apa-apa yang telah diperintahkan itu. Kerana itu adalah sangat aneh, dan malah tidak dapat diterima sama*

---

<sup>2</sup> Khalif Muammar, *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, edisi kedua, (Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2009), ms. 75

*sekali, sebarang istilah, seperti Islam Liberal, Pluralisme Ugama, dan lain-lain lagi seumpamanya. Ini semua, tidak akan kena mengena dengan Brunei. Brunei adalah Bumi Islam tulin. Insya Allah, pegangan ini akan terus kekal turun temurun, sehingga keakhir zaman.*

Bagi menjunjung Titah KDYMM, pihak kerajaan bertungkus lumus berusaha dan mengambil pelbagai inisiatif dan langkah untuk memastikan bahawa tidak akan ada ruang-ruang kepada golongan seperti Islam liberal ini memasuki dan menembusi pemikiran masyarakat Islam di negara ini. Usaha dan langkah-langkah ini meliputi pelbagai aspek khususnya pendekatan undang-undang yang berlandaskan Hukum Syara' disamping aspek lain seperti pendidikan dan dakwah. Undang-undang merupakan satu instrumen yang dimatlamatkan bagi mengawal dan mengatur kehidupan masyarakat serta membendung perlakuan jenayah yang boleh menganggu keamanan dan ketenteraman negara. Tambahan lagi, peranan besar Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang mengangkat KDYMM sebagai ketua ugama dan meletakkan Islam sebagai ugama rasmi negara telah menjadi perisai dan benteng yang sangat kukuh bagi melindungi Negara Brunei ini dari berbagai serangan anasir globalisasi termasuk Islam liberal.

Oleh itu, kertas ini akan memfokuskan kepada perbincangan mengenai pendekatan Negara Brunei Darussalam dalam mendepani ancaman pemikiran aliran Islam Liberal melalui peruntukan undang-undang Syariah khususnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS). Di samping itu, kertas ini akan memaparkan beberapa petikan titah-titah KDYMM untuk dihayati bersama yang menggambarkan visi dan keazaman Baginda dalam mendaulatkan Ugama Islam di negara ini sebagai ugama rasmi negara dan juga cara hidup orang Brunei.

## **Isu dan Cabaran: Sejauh Manakah Kewujudan Aliran Pemikiran Islam Liberal di NBD?**

Selaku warga dunia, Negara Brunei tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dicituskan oleh globalisasi dan termasuklah ancaman Islam liberal. Namun berbanding negara-negara lain, perkembangan dan penularan aliran Islam liberal ini dapat dicegah dalam keadaan yang sangat terkawal kerana kerajaan KDYMM melalui agensi-agensi yang berkenaan telah mengambil tindakan awal dan pantas untuk memastikan perkara yang tidak diinginkan ini yang boleh menggugat kestabilan Negara Brunei ditangani dengan cara bijaksana dan berkesan. Apatah lagi Brunei sendiri menetapkan Ahli Sunnah Waljamma'ah di dalam Perlembagaannya sebagai pegangan dan tidak memberikan ruang dan peluang kepada aliran lain. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara lain turut diberikan perhatian yang mendorong kerajaan KDYMM untuk mengambil langkah berjaga-jaga agar anasir-anasir perosak masyarakat ini dapat ditangkis seawal mungkin melalui pelbagai pendekatan khususnya undang-undang yang berasaskan Hukum Syara.

KDYMM sendiri di dalam titah-titah Baginda sering memperingatkan dan menyedarkan kerajaan Baginda dan masyarakat Muslim di Negara Brunei untuk berhati-hati dan tidak terlepas pandang terhadap kewujudan dan perkembangan aliran-aliran yang menyeleweng. Sebagai iktibar peringatan bersama, dirumuskan beberapa golongan yang disentuh di dalam petikan-petikan titah KDYMM, iaitu:-

### **i) Golongan 'mujaddid' atau pembaharu**

Berdasarkan kepada takrifan Al-Maududi, 'mujadid' merujuk kepada orang yang menjalankan usaha untuk mensucikan dan mengembalikan ajaran Islam kepada ajaran yang sebenarnya sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dan bukannya bermaksud membawa ajaran baru.<sup>3</sup> Konsep 'mujaddid' ini secara umumnya adalah bersandarkan kepada hadis Rasulullah

---

<sup>3</sup> Al-Mawdudi, Abu al A'la, Mu'jaz Tarikh Tajdid al-Din wa Ihya'ih, (Beirut : Mu'assasat al-Risäla, 1975), ms. 43-44

Sallallahu alaihi wasallam (SAW) diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu (RA) yang berbunyi:-

“Sesungguhnya Allah akan mengutus pada umat ini setiap awal 100 tahun seorang mujaddid yang membaharui urusan agamanya.”<sup>4</sup>

Dalam hal ini, kelahiran ‘mujaddid’ yang menyimpang dari ajaran Islam turut menerima perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1437 Hijrah/2016 Masihi:-

*“Kira perlu berhati-hati dengan pemikiran-pemikiran semasa tentang Islam. Jika dahulu ada golongan yang dipanggil dengan nama golongan ‘kaum muda’, tetapi sekarang pendekatan itu mungkin berubah dengan panggilan **‘mujaddid’ atau pembaharu** pula.*

*Golongan ini kelihatannya seperti saja satu gerakan berasaskan ilmu. Mereka giat menampilkan pemikiran-pemikiran atau teori-teori baru untuk mempertikai yang lama. Misalnya apabila menyebut tentang Undang-Undang Jenayah Syar’iah, ada yang berkata: Undang-undang ini mestilah ditangani secara baru, serba serbi baru, termasuk sumber rujukan juga dikehendaki baru. Jika masih saja mengambil pendekatan lama, maka undang-undang itu tidak boleh diterima.*

*Kita tidak segera dapat memahami teori ini, kerana setahu kita, warisan lama itu tetap saja diperlukan sebagai rujukan. Bukankah Al-Qur’an dan Al-Hadith serta kitab-kitab muktabar juga lama, bagaimanakah ia mungkin ditolak?*

*Inilah diantara keclaruan-keclaruan yang timbul dari pendapat-pendapat baru, yang dibawa oleh golongan tertentu. Pendapat ini sukar difahami, tetapi sangat berpotensi untuk mencetuskan pertelagahan di dalam masyarakat.”*

ii) Ulama internet

Seiring dengan kemajuan teknologi maklumat, sering didapati kemudahan ini disalahgunakan oleh sesetengah pihak terutamanya golongan pelajar yang

---

<sup>4</sup> Sunan Abu Dawud, 1998: 647

mengambil jalan pintas untuk mencari sumber rujukan yang bukan daripada ulama'-ulama dan kitab-kitab muktabar sama ada untuk kegunaan penyelidikan atau kehidupan seharian mereka. KDYMM juga menekankan perkara ini khususnya kepada pelajar-pelajar ugama untuk lebih berhati-tidak mengambil bulat-bulat apa saja yang dipaparkan dalam internet, melainkan diperhalusi dan diteliti terlebih dahulu, sebagaimana titah Baginda yang berbunyi:-<sup>5</sup>

*“Bagi para pelajar, khasnya pelajar ugama, mereka perlu berhati-hati dalam melayari internet. Pada ketika ini sering muncul **“ulama-ulama internet”**. Diantara mereka itu ada yang membawa fahaman-fahaman baru, seperti menolak tahlil dan menganggap menyambut Maulidur Rasul sebagai bid'ah yang buruk, dan lain-lain lagi.*

*Para pelajar kita, janganlah terjerat oleh fahaman-fahaman seperti ini. Brunei Darussalam tidak selesa dengannya. Adapun kita sekarang, sudah cukup bagus lagi mantap, tidak perlu dikeruhkan oleh pelbagai pegangan baru atau idea-idea yang tidak menentu.*

*Kepada para pelajar, beta suka menasihatkan supaya memilih ulama mu'tabar, bukannya ulama internet. Ada perbezaan diantara ulama mu'tabar dan ulama internet. Ulama mu'tabar adalah mereka yang bergantung atau bersandar kepada Al-Quran, As-Sunnah dan ijma', sementara ulama internet pula, suka bergantung kepada pendapat-pendapat sendiri.”<sup>6</sup>*

iii) Golongan menolak amalan-amalan lazim

Terdapat amalan-amalan di dalam Islam yang pada asasnya adalah tidak bercanggah dari hukum syara' seperti membaca Yaasin pada malam Jumaat; sambutan memperingati awal tahun hijrah; sambutan israk dan mikraj; sambutan nuzul al-Quran dan membaca Yaasin 3 kali di malam nisfu Syaaban.

---

<sup>5</sup> Titah KDYMM di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Mesir, tahun 2013.

<sup>6</sup> Syarat-Syarat Kebenaran Mengajar Al-Quran, Ugama atau Berceramah Ugama Majlis Ugama Islam Brunei dan Panduan untuk Berceramah

Amalan-amalan ini juga disebut *khilafiah* iaitu perkara-perkara yang terdapat pebezaan atau perselisihan pendapat di kalangan ulama. Di Negara ini, pendekatan yang diambil ialah tidak membesar-besarkan perkara *khilafiah* yang sudah lama diterima dan dipraktikkan.<sup>7</sup> Pendirian itu dibuat atas asas demi menjaga perpaduan dan keharmonian umat Islam dalam melaksanakan amalan-amalan beragama. Namun bagi dalang yang membawa cabaran hari ini ialah terdapat golongan yang, sangat suka menghambur-hamburkan pendapat dan memburuk-burukkan amalan-amalan lazim yang sudah lama dipraktikkan di negara ini. KDYMM sempena Perasmian Majlis Ilmu 2017 Sempena Ulang Tahun Keputeraan Yang ke-71 pada hari Selasa, 18hb Safar 1439 bersamaan 07hb November 2017 antara lain Baginda telah bertitah seperti berikut:

*“Dunia kini penuh dengan cabaran. Di antara cabaran yang sering-sering menggugat ialah cabaran dalam amalan beragama. Ia silih berganti, seperti saja tidak ada kesudahannya.*

*Dalang yang membawa cabaran, sangat suka menghambur-hamburkan pendapat, seperti memburuk-burukkan amalan tahlil, menolak ziarah kubur, mempertikai sambutan Maulid Ar-Rasul, membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas dan lain-lain, dengan alasan, semua itu tidak dibuat oleh Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wassalam.*

*Mereka ini tidak mahu mendengar penerangan-penerangan oleh para ‘Ulama, kecuali terus saja berdegil dengan pendapat dan pendirian mereka.*

*Ini tidak boleh dibiarkan untuk terus berleluasa. Walaupun kita sudah berusaha dengan pelbagai cara, melalui dakwah dan nasihat, untuk memberhentikan amalan dan pendapat yang menyalahi kebiasaan ini, namun masih saja kedengaran ia berlaku, dilakukan oleh pihak-pihak yang degil itu.*

*Pada hemat Beta, ada eloknya perkara ini ditangani secara undang-undang dengan menyediakan peruntukkan di bawah akta bersesuaian untuk menyekat sama sekali pendapat atau amalan songsang menolak tahlil, mempertikai sambutan Maulud Ar-Rasul, ziarah kubur, membaca Al-Quran sebelum memulakan tugas dan lain-lain seumpamanya.*

*Hanya dengan cara ini sahaja, semua di'ayah untuk mempengaruhi atau mengganggu-gugat keharmonian beragama di Negara ini dapat disekat dengan berkesan. Kita tidak mampu untuk membiarkan sesiapa jua untuk membawa atau mengimport sebarang ajaran yang boleh memecahbelahkan umat Islam di Negara ini. Inilah azam dan pendirian kita yang tidak dapat dikompromi sama sekali. Kita akan tetap dengan pendirian ini."*

### **Usaha dan langkah: Pendekatan melalui peruntukan undang-undang Syariah.**

Di Negara Brunei, selain Perlembagaan Brunei, salah satu yang menjadi keunggulan negara ini ialah apabila hukum-hukum al-Quran dan al-Sunnah tidak setakat menjadi sumber undang-undang malahan ianya dikodifikasikan menjadi sebuah undang-undang dan dasar negara. KDYMM telah memperlihatkan tentang azam dan pendirian Baginda di dalam menangani semua di'ayah yang boleh mempengaruhi atau mengganggu-gugat keharmonian beragama atau sebarang ajaran yang boleh memecahbelahkan umat Islam di Negara ini iaitu dengan mengadakan sekatan yang berkesan termasuklah dengan menyediakan peruntukkan di bawah akta bersesuaian. Ini tidak terkecuali dalam menangani golongan yang mempertikai atau memperkecilkan amalan-amalan lazim di negara ini seperti sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu 'alaihi Wassalam dan seumpunya. KDYMM antara lain bertitah sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam bagi tahun 1439/2017:-

*"Sambutan Maulid Ar-Rasul Shallallahu 'Alaihi Wasallam adalah salah satu perayaan yang tidak akan dilupakan untuk diperingati di negara ini. Kerana itu Beta sampai mengingatkan, supaya sebarang usaha untuk mempertikai atau memperkecilkan perayaan ini, eloklah ia dari awal-awal lagi ditangani dengan akta, bukan setakat dengan nasihat atau dakwah sahaja.*

*Tidaklah perlu untuk mengumpul sehingga banyak bukti mengenai orang-orang yang menolak tahlil, menolak talqin, menolak perayaan Maulid Ar-Rasul, menolak mengaminkan do'a imam dan lain-lain. Yang penting ialah, perkara ini memang sudah berlaku. Kalau di tempat kita ini, ia mungkin hanya kadang-kadang berlaku, tetapi di setengah tempat lain, perkara ini sudah pun jadi tengkarah yang lumrah."*



Prinsip ini juga KDYMM tegaskan di dalam titah Baginda dalam menangani isu penyelewengan akidah iaitu<sup>8</sup>:-

*“Maka dengan itu, sentiasalah kita berawas dari terjebak kepada penyelewengan akidah.*

*Kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang berkaitan, jadikanlah ini keutamaan. Jangan pejamkan mata kalau nampak penyelewengan sudah atau sedang berlaku. Ataupun ia baru didengar atau dihidu berlaku, maka pihak-pihak bertanggungjawab itu hendaklah sesegera mungkin mengambil langkah dan bertindak.*

*Banyak cara untuk bertindak itu, diantaranya melalui kaedah dakwah atau nasihat, ataupun kalau perlu, melalui akta. Jika akta belum wujud lagi, maka kita adakan akta.*

*Pada hemat Beta, menangani penyelewengan dengan akta, mungkin saja lebih efektif dari yang lain-lain.”*

Alhamdulillah, pada tahun 2013, negara Brunei telah mencipta sejarah apabila Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS) diwartakan dan dikuatkuasakan pada 6 bulan selepasnya secara berfasa. PKHJS adalah sebuah undang-undang yang mengkodifikasikan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala di dalam al-Quran dan al-Sunnah iaitu hukuman hudud dan qisas. Semua itu adalah berkat keazaman negara Brunei dan pendirian rakyat dan penduduk negara ini yang telah menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi, termasuk daripada kalangan masyarakat non-Muslim. Selain drpd hukuman hudud dan qisas, PKHJS juga memperuntukan kesalahan-kesalahan jenayah Syariah umum yang hanya dikenakan dengan hukuman ta’zir. Berikut adalah antara peruntukan-peruntukan yang relevan mengenai isu Islam liberal iaitu:-

- i) Bab 108 (Mengisytiharkan sebagai tuhan) dan bab 109 (Mengisytiharkan sebagai nabi)

Peruntukan-peruntukan ini adalah mengenai kesalahan irtidad apabila seseorang mengisytiharkan dirinya sebagai tuhan dan nabi sama ada secara

---

<sup>8</sup> Sempena menyambut Tahun Hijrah tahun 1439

lisan, perbuatan atau isyarat yang boleh membawa kepada hukuman mati sebagai hudud. Jika penganut fahaman Islam liberal memenuhi elemen-elemen kesalahan irtidad, maka mereka akan didakwa di bawah 108.

- ii) Bab 111 - Mempermainkan dll. ayat Al-Qur'an, *hadith* atau perkara yang wajib dengan *ijma'*.

Peruntukan ini mengenakan hukuman hudud dan juga ta'zir bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam apabila dia mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina ayat-ayat al-Qur'an atau al-hadith; menafikan hadis sebagai satu sumber atau autoriti (*hujjiyyah*) ajaran-ajaran ugama Islam; atau menafikan perkara-perkara yang wajib dengan *ijma'*. Bagi Islam liberal semua sumber Hukum Syara' sama ada al-Quran dan al-Hadith termasuk juga *ijma'* boleh ditakwilkan dan diubah sesuai dengan akal fikiran mereka. Maka melihat kepada ciri-ciri Islam liberal ini, ianya boleh didakwa di bawah bab 111.

- iii) Bab 207- Ajaran atau amalan dll. yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*.

Bab ini adalah mengenai kesalahan bagi mengajar ajaran ugama Islam dengan cara yang bercanggah dengan Hukum Syara' dan juga kesalahan melaksanakan perbuatan/upacara yang bertentangan dengan Hukum Syara' dan hukuman-hukumannya. Peruntukan ini bukan sahaja dikenakan kepada orang Islam tetapi juga kepada orang bukan Islam jika melibatkan orang Islam. Antara elemen yang perlu dipenuhi bagi membolehkan kesalahan-kesalahan ini didakwa di bawah PKHJS ialah pengajaran atau perbuatan atau upacara yang dilakukan hendaklah ianya 'bertentangan dengan Hukum Syara'' yang dilihat adalah menepati elemen Islam liberal.

- iv) Bab 220 - Menghina dan menyebabkan ugama Islam dipandang hina dll.

Bab ini memperuntukkan mengenai kesalahan dan hukuman bagi tindakan menghina dan seumpamanya terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan Ugama Islam termasuklah mengenai amalan atau upacaranya sepertimana dalam bab 220(b). Malahan peruntukan ini baru sahaja dipinda tahun ini bagi meluaskan skop kesalahan ini bukan setakat menghina dan seumpamanya tetapi juga kepada perbuatan mencerca dan mempertikaikan. Pindaan ini adalah bagi menjunjung titah Perintah KDYMM menggesa kerajaan Baginda untuk dari awal-awal lagi menangani isu mempertikai atau memperkecilkan perayaan maulud Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam dan juga amalan-amalan ugama Islam lain dengan digubal akta mengenainya sepertimana yang dibincangkan sebelum ini.

- v) Bab 229- Mengajar Ugama tanpa kebenaran bertulis

Bab ini dikhususkan kepada kesalahan mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan ugama Islam tanpa mendapatkan terlebih dahulu kebenaran bertulis daripada Majlis Ugama Islam yang mana adalah sesuai untuk dikenakan bagi isu mengajarkan kefahaman Islam liberal kerana penganut aliran ini kebiasaannya tidak akan menzahirkan siapa diri mereka sebenarnya dan apatah lagi secara terang-terangan meminta kebenaran bagi aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Kebanyakan kes-kes ajaran sesat di Mahkamah Syariah adalah didakwa di bawah kesalahan mengajar ugama tanpa kebenaran bertulis.

- vi) Bab 230 - Menghina dll. pihak berkuasa ugama

Bab ini memperuntukkan mengenai kesalahan dan hukuman bagi menghina atau mengingkari dll dengan apa jua cara terhadap titah KDYMM Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berkaitan dengan agama dan juga bagi tindakan menghina sama ada Majlis, ahli-ahlinya atau jawatankuasa-jawatankuasanya, maupun mahkamah dan juga pentadbiran keadilan Syariah. Berdasarkan bab 230 (1), sebarang Titah KDYMM yang menitahkan untuk melaksanakan atau sebaliknya sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam hendaklah dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat. Sebagai contoh, Titah Baginda pada 22 Mac 1992 yang menyeru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan untuk membudayakan pembacaan Al-Quran sebelum memulakan tugas. Maka tindakan menghina atau menentang Titah-titah Baginda dengan apa cara sekalipun adalah menjadi suatu kesalahan di bawah bab 230(1) ini dan jika sabit akan dikenakan hukuman sepertimana yang diperuntukkan. Secara umumnya, adalah ciri-ciri Islam liberal itu ialah penolakan terhadap autoriti keagamaan yang mana adalah bertepatan dengan elemen-elemen kesalahan di bawah bab 230.

(v) Bab 235 - Hasutan untuk mengabaikan tanggungjawab agama

Bab ini mengenai kesalahan bagi menghasut atau memujuk orang Islam supaya tidak atau menahan daripada hadir ke mana-mana masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat, menghadiri pengajaran agama Islam, membayar mana-mana *zakat* atau *fitrah* sebagainya. Berdasarkan maksud bab ini, peruntukan ini sesuai untuk digunapakai di dalam perkara yang melibatkan Islam liberal dari sudut apabila penganut aliran ini menghasut orang Islam lain untuk tidak melakukan perkara-perkara yang diwajibkan oleh Syara' seperti sembahyang jumat dan zakat atau fitrah.

## **Cadangan: Penekanan dalam Aspek Penguatkuasaan Undang-undang**

Keberkesanan sesebuah undang-undang adalah bertitik tolak daripada sejauh manakah undang-undang tersebut dapat dilaksanakan selaras dengan peruntukan undang-undang. Sudah jelas Negara Brunei telah mempunyai undang-undang jenayah Syariahnya yang lengkap yang mampu untuk membanteras aliran Islam liberal di negara ini. Namun peruntukan undang-undang sahaja belum mencukupi. Penguatkuasa undang-undang juga memainkan peranan penting agar usaha dalam mendepani wacana pemikiran Islam dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Perkara ini ditekankan oleh KDYMM dalam titah Baginda sempena pengisytiharan penguatkuasaan PKHJS pada 30 April 2014:-

*Dengan mengembalikan segala pujian kepada Allah, maka kewajipan Beta dan kewajipan kita semua dihadapan-Nya dalam perkara perundangan, sudahpun kita sempurnakan. Tinggal sahaja lagi peranan masing-masing, terutama agensi-agensi yang berkaitan, hendaklah melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berhemah. Ingatlah, fokus kita hanyalah kepada Allah jua, untuk mencari redha-Nya semata-mata, bukan melihat kekiri atau kekanan untuk mencari-cari siapa yang suka atau tidak.*

## **Kesimpulan**

Negara Brunei Darussalam adalah negara yang meletakkan Islam pada kedudukan yang tertinggi iaitu sebagai agama rasmi negara. Di samping itu, adalah menjadi azam dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan dan memperkasakan Undang-Undang Islam di negara ini. Keazaman baginda ini jelas dilihat dalam titah-titah KDYMM yang menggesa kerajaan Baginda untuk mengambil pendekatan melalui penggubalan undang-undang dalam menangani sebarang anasir-anasir yang mengugat kesucian Ugama Islam dan amalan beragama di negara ini. Oleh itu, dengan berkuatkuasanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan digabungkan dengan kerjasama yang padu dan penuh komitmen serta tanggungjawab daripada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang ini akan dapat mengukuhkan lagi keamanan, kestabilan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam dalam mencapai negara zikir, Baladatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghaffur.